



KENYATAAN MEDIA HARI KE-7

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Sebagai langkah menangani penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat Sabah COVID-19 Command Centre pada hari ini, untuk melaksanakan larangan-larangan seperti berikut:

A. PEMBERHENTIAN OPERASI PERKHIDMATAN BOT LAJU / BOT PENAMBANG DAN PENJADUALAN SEMULA PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG ANTARA MENUMBOK – LABUAN

1. Kerajaan Negeri memutuskan semua operasi perkhidmatan bot laju atau bot penambang bagi laluan Menumbok – Labuan dihentikan dengan **SERTA MERTA**.
2. Kerajaan Negeri menetapkan jadual operasi perkhidmatan Feri Penumpang / Ro-Ro Menumbok – Labuan adalah seperti berikut:

Menumbok – Labuan	
Nama Feri	Masa
Galaxy	6:00 pagi 4:00 petang (Hari Ahad Sahaja)
Putrajaya 1	9:00 pagi
Kimanis	1:00 petang
Goodwill	8:00 malam

Labuan – Menumbok	
Nama Feri	Masa
Putrajaya 1	6:00 pagi
Kimanis	3:30 petang
Goodwill	5:30 petang
Galaxy	6:30 petang

Keputusan ini berkuatkuasa **SERTA MERTA**.

B. PENUTUPAN OPERASI LADANG SAWIT

1. Kerajaan Negeri memutuskan supaya operasi ladang sawit di tiga (3) daerah berikut dihentikan berkuatkuasa mulai 25 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020:
 - (i). Tawau
 - (ii). Lahad Datu; dan
 - (iii). Kinabatangan.
2. Manakala operasi kilang kelapa sawit di tiga (3) daerah ini akan dihentikan berkuatkuasa mulai 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.
3. Penutupan ladang dan kilang kelapa sawit adalah bertujuan untuk menghalang pergerakan pekerja-pekerja ladang kerana ada pekerja ladang di daerah Tawau, Lahad Datu dan Kinabatangan yang telah didapati positif COVID-19.

C. LARANGAN PERGERAKAN PENDUDUK DARI PULAU GAYA KE TANAH BESAR DAN SEBALIKNYA

Kerajaan Negeri memutuskan pergerakan penduduk dari Pulau Gaya ke Tanah Besar dan sebaliknya dihentikan dengan **SERTA MERTA** kecuali untuk perkhidmatan ***essential goods*** dan ***essential services***.

D. LARANGAN KEMASUKAN KUMPIT KE NEGERI SABAH

Kerajaan Negeri memutuskan supaya kemasukan kumpit dari luar negara ke kawasan pelabuhan Negeri Sabah hendaklah dihentikan **SERTA MERTA** berkuatkuasa 25 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

E. LARANGAN PERGERAKAN PENDUDUK ANTARA DAERAH

Bagi membendung penularan COVID-19, Kerajaan Negeri memutuskan supaya sekatan jalan raya di setiap sempadan daerah dilaksanakan oleh pihak berkuasa bermula pada 25 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pergerakan penduduk antara daerah kecuali mereka yang terlibat dalam perkhidmatan **essential goods** dan **essential services**.

F. LAMAN WEB DASHBOARD, TWITTER, FACEBOOK DAN INSTAGRAM SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa laman web dashboard, akaun Twitter, Facebook dan Instagram Sabah COVID-19 Command Centre boleh diakses pada bila-bila masa oleh semua lapisan masyarakat untuk mendapat maklumat terkini dan boleh berinteraksi terus dengan Sabah COVID-19 Command Centre melalui:

Dashboard : covid19.sabah.digital
Twitter : @CovidSabah
Instagram : sabahcovid19
Facebook : Sabah Covid-19 Command Centre

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
24 Mac 2020 | 3.00 Petang